



TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

SEMPENA

**MAJLIS KONVOKESYEN PERTANIAN KALI KE-11 TAHUN
2023**

16 MAC 2022 (KHAMIS)

***PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE
(PICC)***

*****Senarai VIP dan jemputan..***

Yang diraikan, para graduan program diploma dan pensijilan Pertanian

Yang dikasihi para ibu bapa

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

1. Pertamanya, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama berhimpun dan seterusnya meraikan Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-11 anjuran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).
2. Semoga dengan kehadiran kita pada hari ini dapat menyemarakkan lagi majlis bagi meraikan **para graduan tahun 2023 yang telah menamatkan pengajian** dengan jayanya di **pusat-pusat latihan di bawah naungan KPKM**. Untuk makluman, tahun ini merupakan **tahun ke-11 Majlis Konvokesyen Pertanian dilaksanakan secara bersepadu antara KPKM dengan jabatan-jabatan serta agensi-agensi di bawahnya**.

3. Saya difahamkan bahawa sejumlah **629 orang graduan** telah berjaya menamatkan pengajian bagi tahun 2022. Kesemua graduan ini adalah terdiri daripada **101 orang graduan Diploma Kemahiran Malaysia, 307 orang graduan Sijil Kemahiran Malaysia, 156 orang graduan Sijil Pertanian, 45 orang graduan Sijil Veterinar Malaysia** dan **20 orang graduan Sijil Perikanan** yang telah berjaya menamatkan pengajian pada sesi kali ini. Pada hari ini juga, sebanyak **8 Penerima Anugerah Khas Bagi Tahun 2022** yang akan diraikan nanti.
4. Tahniah dan Syabas saya ucapkan kepada semua graduan kerana berkat usaha dan kesabaran anda semua dalam mengharungi alam pengajian, akhirnya berjaya membuahkan hasil. Pada hari yang bersejarah ini, saudara dan saudari diberi penghormatan untuk menaiki pentas ini bagi menerima sijil dan diploma masing-masing. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada ibu-bapa para graduan atas berkat doa dan sokongan tanpa batas dalam memastikan anak-anak mendapat keberkatan dalam menimba ilmu pengetahuan.
5. Walau bagaimanapun, perjalanan untuk menimba ilmu tidaklah berakhir di sini. Proses pembelajaran dan

menimba ilmu adalah satu proses dinamik yang berterusan, di mana saudara saudari haruslah berfikiran terbuka dalam mempelajari sesuatu. Ambillah peluang ini untuk melatih diri agar mampu menjadi individu yang dapat melihat dan menilai sesuatu keadaan dari pelbagai perspektif. Ilmu akan menjadi bekalan hidup bagi para graduan untuk membina kecemerlangan kerjaya dan menabur bakti kepada agama, keluarga, bangsa dan negara. Segala pengorbanan, usaha, sokongan serta dorongan haruslah diingati dan dihargai oleh para graduan sebaik mungkin. Terokalah segala peluang yang ada di luar sana dengan mengaplikasi kemahiran dan pengetahuan yang telah dipelajari agar dapat menjadi warga pertanian yang efisien, kreatif dan inovatif.

Tuan-tuan, Puan-puan dan para graduan yang dimulihkan,

6. KPKM bersama-sama visi negara ke arah “Membangun Malaysia Madani”, akan sentiasa memastikan peralihan kepada **Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0)** diterapkan melalui pemerkasaan **Sistem Pendidikan Teknikal & Vokasional (TVET)** yang ditawarkan. Ini amat penting dalam memastikan pembangunan dan **pemodenan industri pertanian negara sejajar dengan Dasar Agromakanan 2021-2030 (DAN 2.0)** disamping mendukung aspirasi

dan hala tuju sektor agromakanan negara untuk lebih mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi.

7. KPKM telah berjaya mengeluarkan seramai **22,667 orang graduan terlatih semenjak permulaan program ini pada tahun 1969**. Kita mengharapkan dengan pertambahan jumlah tenaga mahir dalam bidang agromakanan ini dapat **mempertingkatkan daya saing industri agromakanan negara di pasaran global dan seterusnya menjamin kelangsungan bekalan makanan negara**.

8. Pada masa yang sama, norma baharu akibat pandemik COVID-19 juga telah mengubah sebahagian besar landskap pasaran tenaga kerja dan pembangunan pelbagai sektor industri di serata dunia; **termasuk industri pertanian di Malaysia**. Adaptasi kepada peralihan teknologi dijangka akan lebih cepat berlaku pasca COVID-19. Menurut **Laporan *The World Economic Forum 2020***, permintaan pekerjaan berfokuskan tenaga manusia dijangka menurun pada masa hadapan, kerana peningkatan permintaan untuk pekerjaan yang menjurus kepada penggunaan teknologi dan kemahiran baharu. Oleh itu, bagi memastikan semua graduan berkemahiran sentiasa relevan dalam industri pertanian, adalah penting bagi kerajaan memperkasakan jaringan ekonomi digital di

seluruh negara melalui pelaksanaan pelbagai kerangka strategi serta pelan tindakan termasuk juga dalam pembangunan dan pengukuhan program TVET di bawah kawal selia KPKM.

9. KPKM melalui institut dan pusat latihan di bawah jabatan dan agensinya, akan sentiasa menyemak dan menambahbaik kurikulum yang diguna pakai; serta memperuntukan sumber kewangan yang mencukupi untuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan bagi pelaksanaan **program latihan yang dirancang. Semua ini dengan tujuan untuk melahirkan graduan yang kompeten dalam pelbagai bidang pertanian; bukan sahaja** bagi memenuhi **permintaan tenaga mahir daripada sektor awam dan swasta, malahan untuk melahirkan graduan yang bakal menjadi usahawan dalam bidang pertanian.**

10. **Saya berharap mutu pengajaran dan pembelajaran di institut dapat dikekalkan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa** agar dapat memenuhi keperluan dan *expectation* daripada *stakeholders*, iaitu sektor awam dan pihak swasta.

11. Oleh itu para graduan sekalian, sebagai bakat yang telah dibekalkan dengan pelbagai ilmu dan pengetahuan berteraskan amalan industri; seharusnya menyumbangkan idea dan usaha dalam mentransformasi sektor agromakanan negara **agar tidak ketinggalan dalam gelombang IR 4.0. Saya percaya, segala kemahiran dan ilmu yang diperolehi, membolehkan anda sebagai graduan TVET bersedia untuk meneroka lebih jauh dalam industri pertanian melalui aplikasi teknologi terkini, dalam menyumbang kepada sekuriti makanan dan kelestarian alam sekitar.**

12. Saya percaya **TVET bukanlah pilihan utama golongan muda**, namun pekerjaan berteraskan kemahiran TVET ini juga membuka ruang yang luas kepada laluan keusahawanan terutama dalam bidang pertanian. Saya dimaklumkan bahawa semalam telah diadakan program pepadaman kerjaya bagi graduan yang masih mencari pekerjaan bersama-sama dengan syarikat dalam bidang agromakanan dan juga AGROBANK bagi membantu graduan mendapatkan pembiayaan bagi yang berminat menjadi usahawan dalam bidang agromakanan.

13. Para graduan **bukan sahaja** mempunyai **kemahiran teknikal tetapi turut diterapkan dengan ilmu**

keusahawanan sepanjang tempoh pengajian yang akan menjadi nilai tambah di alam pekerjaan atau menjadi usahawan agromakanan; terutama dalam pembentukan modal insan ke arah pembangunan teknologi baru agar para graduan mampu menangani cabaran Revolusi Industri 4.0. di masa hadapan. Ini juga selari dengan kerangka MADANI iaitu pembangunan mampan, negara yang aman makmur, cergas berdaya cipta, negara yang amanah, masyarakat Malaysia yang dibina dengan nilai hormat dan negara yang mendukung nilai ihsan dan rahmah.

14. Para graduan semua **wajar berbangga atas kejayaan anda**. Anda sesungguhnya telah membuktikan kepada diri sendiri, keluarga dan juga masyarakat bahawa kejayaan pasti boleh dicapai dengan usaha yang bersungguh-sungguh.
15. Saya percaya, dalam tempoh dua tahun lalu **para graduan semua telah mendapat asuhan, bimbingan dan didikan yang cukup untuk merubah perspektif** demi menghadapi cabaran hidup di masa akan datang.
16. Dengan perubahan sedemikian para graduan semua tentu dapat **meningkatkan keyakinan diri untuk menghadapi apa saja kerjaya yang akan anda ceburi**. Saya berdoa

semoga para graduan semua maju jaya dalam kerjaya yang akan anda ceburi.

Para hadirin yang dikasihi,

17. Akhir kata, saya **mengucapkan syabas dan tahniah sekali lagi kepada seluruh graduan, Pengurusan Tertinggi Kementerian, Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai Jabatan dan Agensi di bawah KPKM dan staf akademik yang menjadi faktor kepada banyak kejayaan yang bakal terlakar untuk industri pertanian negara Malaysia pada masa hadapan.** Kepada semua tenaga pengajar, terima kasih dan teruskan usaha anda untuk mendidik anak bangsa dalam pembangunan industri pertanian negara yang cemerlang.

18. Saya amat berharap agar para graduan beroleh kejayaan dalam segala bidang yang diusahakan dan sentiasa maju dalam kehidupan. Akhir kalam, saya mengucapkan selamat maju jaya dan tahniah khususnya kepada para graduan sekalian.

Saya dengan ini mengisytiharkan Sidang Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-11 Tahun 2023, dimulakan.

Sekian. Terima Kasih.



TEKS PENANGGUHAN

Oleh

YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD SABU

MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

SEMPENA

MAJLIS KONVOKESYEN PERTANIAN KALI KE-11 TAHUN

2023

PADA

16 MAC 2023

BERTEMPAT DI

PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE

(PICC)

Dengan Kuasa yang diberikan, saya mengisytiharkan sidang Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-11 Tahun 2023 Ditangguhkan.

Terima Kasih.